



**Ucapan Perasmian Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan
Timbalan Menteri Sumber Manusia**

Merangkap

Pengerusi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

**SEMPENA LAWATAN KERJA KE PUSAT PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
INDUSTRI KAYU (WISDEC)**

Tarikh : 17 Januari 2012 (Selasa)
Masa : 9.00 – 11.00 pagi
Tempat : Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC), Banting
Selangor

Assalamualaikum w.b.t, Salam Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita berkumpul di pagi yang penuh bermakna ini bagi merealisasikan lawatan kerja saya ke Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) ini. Saya turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Penganjur kerana sudi menjemput saya bagi menyampaikan sepatah dua kata pada pagi ini.
2. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, di dalam *Industrial Master Plan* 3 (2006-2020), industri asas kayu merupakan salah satu sumber asas dalam sektor pembuatan yang memangkin ekonomi negara sekaligus merealisasikan transformasi negara selaras dengan tema IMP itu sendiri iaitu Malaysia – Ke arah Daya Saing Global. Bagi memastikan transformasi ini berjaya, latihan perlu dititikberatkan untuk menghasilkan produk yang lebih kreatif dan berkualiti. Sudah pasti, pusat latihan seperti WISDEC ini mampu merealisasikan impian ini menjadi kenyataan.
3. Tahniah saya ucapkan kepada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) yang mempunyai pusat latihan khusus untuk pembangunan modal insan dalam industri perkayuan. Saya dimaklumkan antara program latihan yang ditawarkan adalah Skim Perantisan Industri Berasaskan kayu, Program *Furniture Design and Making* (FDM) bagi lepasan graduan jurusan rekabentuk serta *Timber Processing dan Finishing Technology* bagi belia-belia lepasan sekolah. Di harap dengan adanya program-program seperti ini anak muda belia kita mampu mempunyai kompetensi yang boleh dibanggakan, sekaligus dengan adanya kompetensi dan juga bakat terpendam, mereka ini menjadi sebahagain kepada keperluan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah sangat penting. Sudah pasti dari sekecil-kecil rekaan berasaskan kayu sehingga sebesar-besar rekaannya mempunyai risiko

yang tersendiri. Risiko ini tidak hanya dilihat pada sektor pembuatan berasaskan kayu malah juga ketika sesi pembelajaran. Ini kerana sekiranya berlaku kemalangan sebagai contoh, pekerja, keluarga pekerja, orang awam, serta majikan malah Negara akan turut menerima kesan langsung. Jika kita kaji semula, sekiranya kemalangan di tempat kerja berlaku, kos bagi pembayaran kos rawatan dan bayaran gantirugi serta pampasan kepada keluarga mangsa yang perlu ditanggung oleh majikan adalah jauh lebih tinggi berbanding kos yang diperlukan untuk mempraktikkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Selain itu juga, kemalangan turut akan mengakibatkan majikan kehilangan pekerja yang terlatih serta menghadapi gangguan terhadap aktiviti pengeluaran, kerosakan jentera dan juga mungkin turut terdedah kepada tindakan saman sivil.

5. Oleh yang demikian perkara ini amatlah serius dan perlu diberi perhatian wajar. Ini kerana sejumlah RM 1.423 billion telah dibayar oleh pihak PERKESO sebagai pampasan bagi keseluruhan 50,157 kes kemalangan dan 1,295 kes penyakit pekerjaan yang dilaporkan pada tahun 2011. Nilai ini berkurang sebanyak 15.2% atau RM 0.255 billion berbanding tahun 2010.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Perundangan yang berkenaan iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) yang menitikberatkan tentang '*self-regulation*' atau peraturan sendiri telah menjelaskan ruang lingkup kepada pematuhan yang merangkumi semua jenis tempat kerja dan kumpulan sasaran iaitu majikan, pekerja dan orang lain yang mungkin terbabit akibat daripada pekerjaan (orang awam). Ianya digubal dengan tujuan untuk mempertanggungjawabkan majikan dan pekerja daripada semua sektor pekerjaan di dalam hal-hal berkenaan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Ini adalah bagi membolehkan majikan dan pekerja termasuklah daripada sektor pembuatan menguruskan aspek KKP dengan lebih sistematik dan efektif bagi mengurangkan kadar kemalangan, kematian, kecederaan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.

7. Menurut statistik kemalangan pada tahun 2011 yang dikeluarkan oleh PERKESO, daripada 50,157 kes kemalangan yang telah dilaporkan, sebanyak 14378 kes kemalangan atau 28.67% daripada jumlah ini berlaku di sektor pembuatan. Daripada jumlah ini sebanyak 1,665 kes kemalangan adalah di sektor industri perkayuan. Jumlah ini jika dibandingkan dengan statistik kemalangan keseluruhan PERKESO bagi tahun 2010 iaitu sebanyak 57,656 kes, dilihat terdapat penurunan sebanyak 13% kes kemalangan yang dilaporkan manakala 17,573 kes atau 30.48% daripada jumlah ini adalah kemalangan di sektor pembuatan dan daripada jumlah ini 2,429 kes adalah di sektor industri perkayuan.

8. Walaupun nilai ini nampak ketara penurunannya, kes kemalangan di sektor pembuatan masih lagi di tangga yang tertinggi jika dibandingkan dengan sektor-sektor lain seperti sektor pembinaan dan sektor pengangkutan. Jika dilihat pula daripada aspek kemalangan maut di sektor pembuatan ini, sebanyak 209 atau 19.5% kes kemalangan telah dilaporkan pada tahun 2011 berbanding 245 atau 20.52% kes pada tahun 2010. Daripada jumlah kes kemalangan di sektor pembuatan yang dilaporkan untuk tahun 2011, sebanyak 1,470 kes hilang upaya sementara adalah disebabkan oleh tersepit di dalam atau di antara benda-benda, 920 kes hilang upaya sementara disebabkan pergerakan yang berat dan terdedah atau tersentuh elektrik. Selain daripada kejadian kemalangan, para majikan juga haruslah peka akan masalah penyakit pekerjaan di tempat kerja seperti masalah pendedahan kepada bahan kimia, habuk dan debu serta masalah *musculoskeletal disorder* yang turut mencatatkan jumlah pelaporan sebanyak 226 kes untuk tahun 2011 berbanding tahun 2010 sebanyak 239 kes. (penurunan sebanyak 5%). Khusus bagi pendedahan kepada bahan kimia, satu operasi telah dijalankan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Bahagian Pengurusan Kimia yang dinamakan operasi USECHH (Penggunaan dan standard pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan) daripada 269 jumlah pemeriksaan tempat kerja dengan aktiviti perabot dan perkayuan sebanyak 14 tempat kerja dijalankan di Negeri Selangor. Daripada jumlah ini 5 tempat

kerja dikategorikan sebagai tahap pematuhan kepada peraturan USECHH ini adalah memuaskan.

9. Penurunan kadar kemalangan di sektor pembuatan dari tahun 2010 ke tahun 2011 menunjukkan cabang kesedaran dan lebih prihatin telah berputik terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di antara majikan dan juga pekerja. Selain itu, penerapan nilai-nilai membudayakan keselamatan dan kesihatan menunjukkan pertumbuhan yang memberansangkan. Hal ini sudah pasti mempunyai perkaitan dengan adanya pusat-pusat latihan seperti WISDEC ini bagi melahirkan tenaga kerja yang mahir serta mempunyai nilai-nilai membudayakan KKP di tempat kerja.

10. Walau bagaimanapun, apabila kejadian kemalangan berlaku, pegawai-pegawai daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan akan turun untuk menjalankan siasatan dan pemeriksaan ke atas tempat kerja yang terlibat. Hasil daripada siasatan tersebut mendapati kebanyakan kejadian kemalangan berkenaan adalah berpunca daripada keadaan tempat kerja yang tidak selamat. Di dalam hal ini, ada pihak majikan yang gagal untuk menyediakan satu persekitaran tempat kerja yang kondusif kepada para pekerja serta orang lain yang mungkin terlibat dengan aktiviti pekerjaan tersebut serta ada yang gagal mengenalpasti wujudnya bahaya dan risiko di tempat kerja.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

11. Pada masa kini, Kerajaan memberikan banyak tumpuan kepada penjana program-program seperti Pelan Transformasi Ekonomi (ETP), *National Key Economic Area* (NKEA) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Umumnya industri di sektor pembuatan, khususnya aktiviti perkayuan juga mampu menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Hal ini selari dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri,

menjangkakan jumlah dagangan kayu dan produk berasaskan kayu akan meningkat sebanyak 18 peratus berdasarkan kepada pemulihan ekonomi global sepanjang 2010 dan juga lebih 60 peratus rakyat Malaysia terbabit secara langsung dalam aktiviti industri perkayuan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Sehingga kini, seramai lebih kurang 12,273 juta orang daripada penduduk Malaysia adalah terdiri daripada golongan pekerja samada di sektor awam mahupun swasta. Untuk itu, dalam merencanakan lagi pembangunan dan produktiviti organisasi, keperluan bagi menyediakan para pekerja atau modal insan yang produktif, sihat, berkualiti dan berkeupayaan amatlah penting. Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2015 atau OSH-MP 15 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 1 Mei 2009 lalu turut menggariskan keperluan pembangunan modal insan ini melalui penerapan dan pemupukan Budaya Kerja Selamat dan Sihat di dalam setiap organisasi di Malaysia.
13. OSH MP 15 dirangka bertujuan untuk membangunkan modal insan yang selamat, sihat dan produktif dengan menerap, memupuk dan mengekalkan budaya kerja selamat dan sihat di dalam organisasi di Malaysia. Selain itu ia turut menekankan kepimpinan industri dan penglibatan golongan perniagaan serta komuniti/ masyarakat sekitar dalam menambahbaik tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Tempat kerja, kesatuan sekerja, persatuan-persatuan majikan dan industri, badan-badan bukan Kerajaan juga diberi peranan untuk meneraju program-program KKP demi meningkatkan tahap KKP di Negara.
14. Selain daripada modal insan, penggunaan mesin dan proses kerja yang canggih dan berteknologi tinggi di kebanyakan tempat kerja juga perlu diberikan perhatian khusus oleh majikan. Ini kerana ianya secara langsung akan merubah cara dan corak bekerja

para pekerja dan seterusnya mendedahkan mereka kepada risiko-risiko pekerjaan yang baru. Oleh itu, program latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga kerja dalam aspek teknikal mahupun berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan amatlah perlu bagi mengelakkan kejadian kemalangan dan pendedahan kepada penyakit pekerjaan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

15. Saya amat percaya, kombinasi antara majikan dan pekerja yang prihatin, berkualiti, berproduktiviti tinggi dan berpengetahuan tinggi; pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang efektif; dan pengadaaan persekitaran kerja yang kondusif, maka pastinya produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh sesebuah organisasi akan mencapai tahap dan standard yang dikehendaki.
16. Amalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan pelaksanaan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan di Negara maju yang lain telah terbukti dapat mengurangkan kejadian kemalangan di tempat kerja. Perlaksanaan sistem ini perlulah dilakukan seawal proses kerja merekabentuk produk berasaskan kayu lagi. Ini bertujuan bagi mengenalpasti kemungkinan bahaya yang dihadapi bagi setiap proses kerja agar langkah-langkah pencegahan bahaya wujud dapat dilakukan.
17. Akhir kata, saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana berusaha untuk merealisasikan lawatan kerja saya ke WISDEC ini. Terima kasih juga saya ucapkan kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata di majlis yang indah ini.

Sekian, Terima Kasih.